

01 MAR 1999

Kart-Piala PM

GO KART ANTARABANGSA LANGKAWI DIADAKAN SEMULA

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Kejohanan Go Kart Antarabangsa Langkawi yang tidak diadakan tahun lepas, akan diadakan semula tahun ini.

Perlumbaan itu ditangguhkan tahun lepas kerana Malaysia terbabit dengan persiapan menganjurkan temasya Sukan Komanwel ke-16.

Kini, kejohanan itu akan dikenali sebagai Indy 40 Enduro Langkawi '99 dan bagi merebut Piala Perdana Menteri. Ia menawarkan hadiah terbanyak dalam sejarah sukan go kart di Malaysia dengan hadiah berjumlah RM170,000. Pemenang pertama akan membawa pulang RM40,000.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah penaung kepada acara ini. Beliau memainkan peranan penting dalam menjadikan perlumbaan ini satu kenyataan.

Pada upacara pelancaran ringkas di sini hari ini, pengerusi jawatankuasa penganjur Datuk Abdul Halil Abd Mutalib, yang juga pengurus besar Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), berkata kejohanan itu akan diadakan litar Go Kart Antarabangsa Morac, Langkawi pada 14-15 Ogos.

"Ia turut menjadi agenda penting sambutan Hari Kebangsaan di Langkawi tahun ini. Selain itu ia bertujuan untuk menarik pelancong ke pulau perangan ini," kata beliau.

Bagi menjayakan acara itu, LADA hari ini menandatangani perjanjian tajaan dengan Mofaz Motorsports dan Potential Line Sdn Bhd.

Halil menandatangani perjanjian itu bagi pihak LADA manakala Mofaz diwakili oleh presiden kumpulan syarikatnya Haji Mohamed Fauzy dan Potential Line Sdn Bhd oleh ketua pegawai eksekutifnya, Abu Hassan Said.

Beliau berkata, pihaknya berharap dapat membantu mengembangkan sukan go kart di negara ini serta menyumbang ke arah memperkenalkan Malaysia sebagai penganjur sukan ini di peringkat antarabangsa.

Halil bangga dengan sambutan menyertai perlumbaan kali ini.

LADA menjangka sekurang-kurangnya 20 negara termasuk Indonesia, Jepun, Filipina, Thailand, Singapura, Australia, New Zealand, Jerman, Britain, Itali, Belanda, Perancis, Belgium dan Amerika Syarikat, akan menyertai kejohanan kali ini.

Pada kejohanan 1997, seramai 160 peserta mewakili 40 badan korporat menyertainya dengan pasukan Kawasaki dari Thailand muncul sebagai juara keseluruhan.

-- BERNAMA

AHA AHH ZB